



SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN

Ruj. kami: IPKSEL.BK.100-3/2/3 (22)
Tarikh : 28 Jamadilawal 1442H
12 Januari 2021

YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar/Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Ketua Jabatan Badan-Badan Berkanun dan Anak-Anak Syarikat

Semua Setiausaha Bahagian/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha/Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

YB Dato'/YAD Tan Sri /YBhg. Datin Paduka/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

BUDAYA KERJA PERKHIDMATAN AWAM SEMASA PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) PERINGKAT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Dengan hormatnya saya memohon perhatian YB Dato'/YAD Tan Sri/YBhg. Datin Paduka/YBhg. Dato'/ YBhg. Datuk/ Tuan/Puan mengenai perkara di atas.

2. Selaras dengan Perutusan Khas Perdana Menteri Mengenai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) melibatkan enam buah negeri iaitu Pulau Pinang, Selangor, Johor, Sabah, Melaka dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan) serta kenyataan oleh Ketua Setiausaha Negara pada 11 Januari 2021, Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor akan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) **mulai 13 Januari 2021 sehingga 26 Januari 2021**. Sepanjang tempoh pelaksanaan PKP, semua perkhidmatan kerajaan negeri akan beroperasi dengan **kehadiran 30 peratus** bagi kumpulan pengurusan manakala kumpulan sokongan ditentukan oleh Ketua Jabatan masing-masing.

../2

(Sila catatkan rujukan kami apabila berhubung)

Tel.: 03-5514 2134 (Terus), 03-5544 7042/7043/7045/7520 Faks: 03-5510 3062

BUDAYA KERJA PERKHIDMATAN AWAM SEMASA PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) PERINGKAT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

3. Walau bagaimanapun, sistem penggiliran dan bekerja dari rumah (BDR) masih diteruskan mengikut keperluan dengan mengambil kira kebajikan penjawat awam sebagaimana Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.6(6) bertarikh 2 Mei 2020 dan Surat Edaran pentadbiran ini rujukan IPKSEL.BKP.Pent. 100-3/2/3 Jld.2 (13) bertarikh 21 Oktober 2020. Garis panduan dan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara serta pihak berkuasa hendaklah dipatuhi sepenuhnya.


4. Ketua Jabatan perlu memastikan semua garis panduan dan SOP keselamatan dan kesihatan dipatuhi sepenuhnya seperti pelaksanaan saringan suhu badan, amalan penjarakan fizikal, pemakaian pelitup muka dan penyediaan *hand sanitizer* untuk kegunaan pegawai yang hadir bertugas. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan semua pegawai sama ada yang bertugas di pejabat ataupun bertugas secara BDR mempunyai tugas yang seimbang seperti mana lazim. Semua tugas yang diberi perlu mempunyai *output* atau keperluan pencapaian yang jelas untuk memudahkan urusan pemantauan.

Perhatian dan kerjasama pihak YB Dato'/YAD Tan Sri /YBhg. Datin Paduka/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/Tuan/Puan dimohon untuk memastikan segala kawalan dilaksanakan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini bagi memastikan penularan COVID-19 ini dapat dihentikan.

Sekian. Terima kasih.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah, ~


(DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA)
D.P.M.S, B.C.M, B.K.T. ~~P.J.K.~~

Edaran dalaman:

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)